

21 NOV 2000
LID-DUA HALA
LESOTHO BERHASRAT BUKA KEDUTAAN DI MALAYSIA

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

LANGKAWI, 21 Nov (Bernama) -- Lesotho berhasrat untuk membuka kedutaan di Malaysia bagi mengukuhkan hubungan dua hala sedia ada dalam satu langkah yang lahir hasil daripada perkongsian bestari di Dialog Antarabangsa Langkawi 2000 (LID 2000).

Perdana Menteri Lesotho Pakalitha Bethuel Mosisili menyuarakan hasrat itu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam satu pertemuan yang diadakan di acara sampingan LID 2000, di sini, hari ini.

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Ahmad Fuzi Abdul Razak, berkata Lesotho berpendapat dengan pembukaan kedutaan itu akan dapat mengukuhkan lagi kerjasama dua hala dan memudahkan penyertaan mereka di LID.

"Kami akan mengkaji perkara ini," kata Ahmad Fuzi, yang turut hadir dalam mesyuarat itu.

Mosisili, yang mempelawa Dr Mahathir melawat Lesotho berkata, negaranya kagum dengan cara bagaimana Malaysia mengendalikan krisis ekonomi baru-baru.

Beliau juga mahu menjalin kerjasama saintifik, ekonomi dan teknikal dengan Malaysia.

Dr Mahathir juga mengadakan perbincangan dua hala dengan Presiden Namibia Dr Sam Nujoma dan Presiden Mozambique Joaquim Alberto Chissano, hari ini.

Ahmad Fuzi berkata kedua-dua negara berminat untuk mendapatkan lebih ramai pelabur Malaysia melabur di negara masing-masing.

Beliau berkata Perdana Menteri juga menawarkan bantuan Malaysia kepada kedua-dua negara bagi mendapatkan pembiayaan Jepun untuk projek prasarana jika mereka boleh menyediakan butiran terperinci mengenai projek tersebut.

Chissano mencadangkan pertukaran lawatan peringkat tinggi dibuat antara kedua-dua negara dan meminta bantuan Malaysia menyediakan latihan polis di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP).

Beliau juga mencadangkan kerjasama lebih erat dibuat antara Asean dan Komuniti Pembangunan Selatan Afrika (SADC), kata Ahmad Fuzi.

Selain Mozambique, anggota SADC lain yang menyertai LID 2000 adalah Botswana, Malawi, Lesotho, Namibia, Seychelles, South Africa dan Zimbabwe.

Ahmad Fuzi berkata Dr Mahathir menyatakan beliau akan menyuarakan kemungkinan mengukuhkan hubungan Asean-SADC di Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Asean di Singapura minggu ini. -- BERNAMA

AZZ SHY YBY ZK